

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA  
Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1988/89

RPE 456 - Ekonomi Bandar dan Wilayah

Tarikh: 27 Oktober 1988

Masa: 2.15 petang - 5.15 petang  
(3 jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi EMPAT muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

1. (a) Terangkan peranan "Ekonomi Perkelompokan" di dalam menentukan lokasi industri.

( 10 markah )

- (b) Tuliskan nota ringkas berkenaan dengan perkara-perkara berikut:

- (i) Teori lokasi median
- (ii) Berat unggul
- (iii) Ekonomi persetempatan

( 15 markah )

2. Berikut ialah kedudukan gunatenaga di sebuah kawasan kajian dan di peringkat nasional.

Sektor	Jumlah Gunatenaga Kawasan Kajian	Jumlah gunatenaga Peringkat Nasional
Perlombongan	500	2,000
Perkhidmatan	800	5,000
Pertanian	200	3,000
Jumlah	1,500	10,000

- (a) Apakah yang dimaksudkan dengan hasil bahagi letakan ("Location Quotient")? Kirakan hasil bahagi letakan bagi tiap-tiap sektor pekerjaan.

( 10 markah )

- (b) Apakah yang dimaksudkan dengan aktiviti asas? Kirakan jumlah aktiviti asas untuk kawasan kajian. Bandingkan jawapan tersebut dengan aktiviti asas di peringkat nasional. Apakah kesimpulan yang boleh diperolehi?

( 15 markah )

3. (a) Jelaskan ungkapan-ungkapan berikut sebagaimana digunakan di dalam teori pusat setempat.

- (i) Jarak barang
- (ii) Ambang permintaan (had pengaruh)
- (iii) Prinsip pemasaran

( 10 markah )

- (b) Apakah sebenarnya sumbangan teori pusat setempat ini kepada bidang perancangan bandar?

( 10 markah )

- (c) Jelaskan DUA kelemahan teori pusat setempat ini.

( 5 markah )

4. Jadual "Input-Output" untuk tahun 1988 (Nilai di dalam \$ Ribu)

Sektor	Pertanian	Perkhidmatan	Permintaan Akhir
Pertanian	0	30	70
Perkhidmatan	25	0	55
Lain-lain bayaran	70	50	0

Berdasarkan jadual di atas,

- (a) Kirakan jumlah pengeluaran kedua-dua sektor pertanian dan perkhidmatan untuk tahun 1988.

( 5 markah )

- (b) Sekiranya permintaan akhir sektor pertanian dan perkhidmatan meningkat kepada \$100 ribu dan \$200 ribu masing-masing untuk tahun 1993, kirakan jumlah pengeluaran sektor-sektor tersebut untuk tahun 1993.

NOTA: Sekiranya Matriks A =  $\begin{bmatrix} a_{11} & a_{12} \\ a_{21} & a_{22} \end{bmatrix}$

Oleh itu  $A^{-1} = \frac{1}{a_{11} a_{12} - a_{12} a_{21}} \begin{bmatrix} a_{11} & -a_{12} \\ -a_{21} & a_{11} \end{bmatrix}$

( 20 markah )

5. Bincangkan proses pembandaran di negara ini berdasarkan tajuk-tajuk berikut:

- (i) Sejarah proses pembandaran
- (ii) Ciri-ciri utama proses pembandaran
- (iii) Masalah-masalah yang timbul akibat daripada proses pembandaran

( 25 markah )

6. (a) Apakah yang dimaksudkan dengan "permintaan perumahan" dan "keperluan perumahan"?

( 10 markah )

(b) Bincangkan faktor-faktor yang mempengaruhi permintaan gunatanah kediaman.

( 15 markah )